

kehadiran Yang Berhormat Tuan Steven Sim Chee Keong ke Wisma ANGKASA pada hari ini.

2. Kehadiran YB Menteri amat bermakna kepada kami, lebih-lebih lagi setelah YB diberi amanah menerajui portfolio Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada tahun lalu.
3. Kunjungan ini mencerminkan keprihatinan serta komitmen YB Menteri terhadap gerakan koperasi negara. Kami amat menghargai peluang untuk berkongsi secara langsung perkembangan, pencapaian serta cabaran semasa yang dihadapi oleh sektor koperasi Malaysia.
4. Untuk makluman YB Menteri, ANGKASA telah ditubuhkan pada tahun 1971 dan telah diiktiraf sebagai sbadan puncak gerakan koperasi negara. Sejak lebih lima dekad yang

lalu, ANGKASA memainkan peranan penting dalam menyatukan koperasi di seluruh Malaysia, memperkukuh tadbir urus, membangunkan kapasiti kepimpinan serta memacu pertumbuhan perniagaan koperasi.

5. Sebagai organisasi puncak, ANGKASA kekal komited membantu koperasi melalui pelbagai inisiatif termasuk pembangunan sektor strategik, pemandanan perniagaan, pemerksaan digital serta sokongan kepada koperasi baharu dan koperasi sedia ada.
6. Di peringkat antarabangsa pula, ANGKASA mewakili gerakan koperasi Malaysia dalam pelbagai platform global seperti International Cooperative Alliance (ICA) dan ASEAN Co-operative Organization. Peranan antarabangsa ini membolehkan koperasi Malaysia mendapat jaringan kerjasama strategik, perkongsian ilmu

serta peluang ekonomi merentas sempadan.

7. Segala usaha ini dilaksanakan bagi memastikan koperasi terus relevan sebagai instrumen penting pembangunan sosioekonomi rakyat serta penyumbang bermakna kepada pertumbuhan ekonomi negara.

8. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, hala tuju pembangunan ANGKASA pada masa ini dipacu oleh kerangka strategik PESAN50, iaitu Pelan Strategik ANGKASA 2050 yang dirangka bersempena ulang tahun ke-50 penubuhan ANGKASA. PESAN 50 memberi penekanan kepada empat (4) tonggak strategik utama iaitu Tonggak Ekonomi, Tonggak Ekosistem, Tonggak Tadbir Urus dan Tonggak Inovasi. Pelan ini menjadi panduan menyeluruh bagi memastikan ANGKASA terus berkembang secara tersusun dan berdaya saing.

9. Bagi tahun 2026 juga ANGKASA menetapkan lima (5) hala tuju strategik utama iaitu memperkukuh tadbir urus dan integriti koperasi, memacu pemerksaan ekonomi serta daya saing perniagaan koperasi, memperkasa pembangunan modal insan dan kepimpinan pelapis, mempercepatkan pendigitalan serta inovasi dalam operasi dan pasaran koperasi, serta memperluas jaringan kerjasama strategik di peringkat nasional dan antarabangsa.
10. Kami yakin bahawa di bawah kepimpinan YB Menteri, kerjasama strategik antara KUSKOP dan ANGKASA akan terus diperkukuh. Sokongan berterusan kerajaan amat penting dalam memastikan gerakan koperasi kekal berdaya saing, inovatif dan mampan.
11. Insya-Allah, selepas ucapan alu-aluan ini pihak pengurusan ANGKASA akan membentangkan taklimat

terperinci mengenai fungsi, pencapaian, cabaran semasa serta hala tuju strategik ANGKASA untuk pertimbangan dan pandangan YB Menteri.

12. Sekali lagi, saya mengucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat Menteri dan seluruh delegasi ke ANGKASA. Semoga sesi pada hari ini menjadi platform yang bermanfaat dan mengukuhkan lagi hubungan kerjasama demi kemajuan gerakan koperasi Malaysia.

Sekian, terima kasih.